

D.R. 46/2010

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Hak Cipta 1987.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hak Cipta (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan am

2. Akta Hak Cipta 1987 [*Akta 332*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “persembahan secara langsung” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “persembahan”.

Pindaan seksyen 3**3. Seksyen 3 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan takrif “badan pelesenan” dengan takrif yang berikut:

““badan pelesenan” ertinya suatu persatuan atau pertubuhan yang diisyiharkan sebagai suatu badan pelesenan di bawah seksyen 27A;’;

- (b) dalam takrif “karya sastera”, dengan memasukkan selepas perkataan “keputusan-keputusan kehakiman” perkataan “, atau ucapan politik dan debat politik, atau ucapan yang diberikan dalam perjalanan prosiding undang-undang, dan terjemahan rasminya”;

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Kerajaan” takrif yang berikut:

““langkah perlindungan teknologi” ertinya apa-apa teknologi, alat atau komponen yang, dalam pengendalian biasanya, menghalang atau mengehad secara berkesan pelakuan apa-apa perbuatan yang mengakibatkan suatu pelanggaran hak cipta mengenai sesuatu karya;’;

- (d) dengan menggantikan takrif “pelaku” dengan takrif yang berikut:

““pelaku” ertinya seorang pelakon, penyanyi, pemuzik, penari atau mana-mana orang yang berlakon, menyanyi, menyampaikan, mendeklamasi, memainkan, menginterpretasi, atau selainnya membuat suatu persembahan;’ dan

- (e) dalam takrif “penetapan”, dengan memasukkan selepas perkataan “jangkamasa sementara” perkataan “dengan menggunakan suatu alat”.

Pindaan seksyen 4**4. Perenggan 4(1)(d) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “persembahan” perkataan “yang ditetapkan”.**

Pindaan seksyen 5

5. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Perbadanan boleh melantik” dengan perkataan “Menteri boleh melantik”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “ditentukannya” dengan perkataan “ditentukan oleh Menteri”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“ (5) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh melaksanakan segala kewajipan yang dikenakan dan menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Penolong Pengawal di bawah Akta ini.”.

Pindaan seksyen 7

6. Seksyen 7 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (6).

Pindaan seksyen 8

7. Subseksyen 8(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) koleksi karya yang layak bagi hak cipta, atau penyusunan data semata-mata sama ada dalam bentuk yang boleh dibaca oleh mesin atau bentuk lain, yang menjadi suatu hasil ciptaan intelek oleh sebab pemilihan dan susunan kandungannya.”.

Pindaan seksyen 9

8. Subseksyen 9(4) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “bagi maksud-maksud” dengan perkataan “bagi apa-apa maksud termasuk”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “pelaporan” perkataan “berita atau”.

Pindaan seksyen 13**9. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “keseluruhan atau sebahagian besar karya itu, sama ada dalam bentuk asal atau bentuk terbitan dengan syarat bahawa, tanpa menjelaskan perenggan (e), hak eksklusif untuk mengawal pengedaran salinan-salinan hanya merujuk kepada perbuatan mengedarkan salinan-salinan yang tidak diedarkan di Malaysia sebelum ini dan tidak kepada mana-mana pengedaran kemudiannya salinan-salinan itu atau apa-apa pengimportan kemudiannya salinan-salinan itu ke dalam Malaysia” dengan perkataan yang berikut:

“keseluruhan atau sebahagian besar karya itu, sama ada dalam bentuk asal atau bentuk terbitan dengan syarat bahawa—

- (A) hak eksklusif untuk mengawal pengedaran salinan hanya merujuk kepada perbuatan mengedarkan salinan yang tidak diedarkan di Malaysia sebelum ini dan tidak kepada mana-mana pengedaran kemudiannya salinan itu atau apa-apa pengimportan kemudiannya salinan itu ke dalam Malaysia; dan
- (B) hak eksklusif untuk mengawal penyewaan komersial berhubungan dengan filem hendaklah terpakai hanya apabila penyewaan komersial itu telah menyebabkan pembuatan salinan karya itu secara meluas sehingga mengurangkan hak eksklusif pengeluaran semula secara material”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) perlakuan mana-mana perbuatan yang tersebut dalam subseksyen (1) secara urusan yang wajar termasuk bagi maksud

penyelidikan, pengajian persendirian, kritikan, ulasan atau pelaporan berita atau peristiwa semasa;

Dengan syarat bahawa ia disertai dengan suatu perakuan tajuk karya itu dan penciptaannya, kecuali jika karya itu berkaitan dengan pelaporan berita atau peristiwa semasa dengan cara suatu rakaman bunyi, filem atau siaran, maka perakuan tidak diperlukan;”;

- (ii) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “rakaman” dengan perkataan “pengeluaran semula”;
- (iii) dengan menggantikan perenggan (gggg) dengan perenggan yang berikut:

“(gggg) perbuatan dan pengeluaran salinan bagi apa-apa karya ke dalam suatu format untuk memenuhi keperluan khas orang yang kurang penglihatan atau kurang pendengaran dan pengeluaran salinan itu kepada orang awam oleh badan atau institusi yang tidak mencari keuntungan dan atas terma yang ditetapkan oleh Menteri;”;
- (iv) dalam perenggan (j), dengan memotong perkataan “yang dimiliki penuh oleh Kerajaan”;
- (v) dalam perenggan (o), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (vi) dalam perenggan (p), dengan menggantikan tanda noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (vii) dengan memasukkan selepas perenggan (p) perenggan yang berikut:

“(q) pembuatan suatu salinan elektronik fana dan sampingan suatu karya yang telah dijadikan tersedia di suatu rangkaian jika pembuatan salinan itu diperlukan untuk menonton, mendengar atau menggunakan karya tersebut.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Bagi maksud perenggan (2)(a), dalam menentukan sama ada sesuatu urusan itu merupakan suatu urusan yang wajar, faktor yang diambil kira hendaklah termasuk—

- (a) maksud dan sifat urusan itu, termasuk sama ada urusan itu bersifat komersial atau bagi maksud pendidikan yang bukan mencari keuntungan;
- (b) sifat karya yang mendapat hak cipta itu;
- (c) amauan dan banyaknya bahagian yang digunakan berhubungan dengan karya yang mendapat hak cipta itu secara keseluruhan; dan
- (d) kesan daripada urusan itu terhadap potensi pasaran bagi atau nilai karya yang mendapat hak cipta itu.”.

Pindaan seksyen 13B

10. Seksyen 13B Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “seksyen ini dan seksyen 13A dan 13c” dengan perkataan “Akta ini”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Tanpa menjelaskan peruntukan subseksyen 7(6), setelah” dengan perkataan “Setelah”.

Pemotongan seksyen 13c

11. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 13c.



Pindaan seksyen 16A

12. Seksyen 16A Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) pengeluaran semula penetapan suatu persembahan;”;

(ii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “menjadikan tersedia untuk” dengan perkataan “pengedaran kepada”; dan

(iii) dalam perenggan (e), dengan memasukkan selepas perkataan “penyewaan” perkataan “komersial”;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “perenggan (1)(b)”; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “persembahan secara langsungnya” dengan perkataan “persebahannya”; dan

(c) dalam subseksyen (3)—

(i) dalam subperenggan (b)(i), dengan menggantikan perkataan “hal ehwal” dengan perkataan “peristiwa”;

(ii) dengan menggantikan subperenggan (b)(iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) dibuat bagi maksud suatu prosiding kehakiman, suatu prosiding suruhanjaya diraja atau badan perundangan, suatu siasatan berkanun atau Kerajaan, atau laporan mengenai mana-mana prosiding atau siasatan itu, atau bagi maksud pemberian nasihat profesional oleh pengamal undang-undang;”;

(iii) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) suatu rakaman bunyi atau filem secara terus sesuatu persesembahan yang dibuat oleh atau di bawah arahan atau kawalan suatu perkhidmatan penyiaran yang telah mendapat persetujuan pelaku untuk menyiarkan persesembahan itu, dan rakaman atau filem itu dimusnahkan sebelum berakhir tempoh enam bulan sebaik selepas rakaman atau filem itu dibuat atau suatu tempoh yang lebih lama yang dipersetujui antara perkhidmatan penyiaran dengan pelaku itu;”.

Pindaan seksyen 16B

13. Seksyen 16B Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “atau pada masa pindah hakmilik hak sewaan”;

(b) dalam subseksyen (3) teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “persembahan secara langsungnya” dengan perkataan “persebahannya”;

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Dalam ketiadaan kontrak tentang saraan yang saksama yang kena dibayar di bawah subseksyen (1), pelaku boleh memohon kepada Tribunal untuk menentukan amaun yang kena dibayar sebagai saraan yang saksama.

(3B) Pelaku boleh juga memohon kepada Tribunal—

(a) untuk mengubah apa-apa kontrak tentang amaun yang kena di bayar sebagai saraan yang saksama; atau

(b) untuk mengubah apa-apa penentuan Tribunal yang terdahulu berhubungan dengan saraan yang saksama itu.

(3c) Permohonan oleh seseorang pelaku di bawah perenggan (3B)(b) hanya boleh dibuat dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penentuan yang terdahulu, melainkan jika kebenaran khas oleh Tribunal telah diperoleh.

(3D) Apabila dibuat permohonan di bawah seksyen ini, Tribunal hendaklah mempertimbangkan perkara itu dan membuat apa-apa perintah tentang cara pengiraan dan pembayaran saraan yang saksama sebagaimana yang difikirkannya munasabah dalam hal keadaan itu, dengan mengambil kira kepentingan sumbangsih pelaku kepada rakaman bunyi itu.

(3E) Sesuatu kontrak tidak mempunyai kesan setakat yang ia bermaksud untuk menghalang seseorang pelaku untuk mempersoalkan amaun saraan yang saksama atau menyekat kuasa Tribunal di bawah seksyen ini.”;

(d) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud seksyen ini, “diterbitkan bagi maksud komersial” ertinya rakaman bunyi itu telah dijadikan tersedia kepada orang awam melalui cara wayar atau wayarles dengan cara yang sedemikian rupa yang membolehkan orang awam mendapat akses kepadanya dari suatu tempat dan pada masa yang masing-masingnya dipilih oleh mereka.”.

Pindaan seksyen 23A

14. Seksyen 23A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “diadakan” perkataan “atau ditetapkan dalam suatu rakaman bunyi”.

Pindan seksyen 25A

15. Seksyen 25A teks bahasa Inggeris Akta ibu dipinda dalam nota birai dengan menggantikan perkataan “right” dengan perkataan “rights”.

Seksyen baru 26A, 26B dan 26C

16. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26 seksyen yang berikut:

“Pemberitahuan sukarela hak cipta

26A. (1) Suatu pemberitahuan hak cipta dalam apa-apa karya boleh dibuat kepada Pengawal oleh atau bagi pihak pencipta karya, pemunya hak cipta karya, pemegang serah hak hak cipta, atau seseorang yang telah diberi kepentingan dalam hak cipta melalui lesen.

(2) Suatu pemberitahuan hak cipta tidak boleh dilayan melainkan jika fi yang ditetapkan telah dibayar kepada Pengawal.

(3) Suatu pemberitahuan hak cipta hendaklah mengandungi butiran yang berikut:

- (a) nama, alamat dan kewarganegaraan pemunya hak cipta;
- (b) suatu akuan berkanun bahawa pemohon ialah pencipta karya, atau pemunya hak cipta karya, atau pemegang serah hak hak cipta, atau seseorang yang telah diberi kepentingan dalam hak cipta melalui lesen;
- (c) kategori karya;
- (d) tajuk karya;
- (e) nama pencipta dan, jika pencipta telah meninggal dunia, tarikh kematian pencipta itu, jika diketahui;
- (f) dalam hal karya yang telah diterbitkan, tarikh dan tempat penerbitan yang pertama; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Menteri.

Daftar Hak Cipta

26B. (1) Pengawal hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dinamakan Daftar Hak Cipta.

(2) Daftar Hak Cipta hendaklah mengandungi semua butiran berhubungan dengan hak cipta dalam sesuatu karya sebagaimana yang diberitahu kepada Pengawal di bawah seksyen 26A.

(3) Daftar Hak Cipta hendaklah disimpan mengikut apa-apa bentuk dan pada apa-apa bahantara yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar Hak Cipta pada bila-bila masa dan atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Menteri, dan boleh mendapatkan petikan yang diperakui sah daripada Daftar apabila dibayar fi yang ditetapkan.

(5) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh memperakui sah petikan benar daripada Daftar Hak Cipta yang hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai butiran yang dicatatkan dalamnya dan petikan daripada Daftar Hak Cipta yang diperakui sah itu hendaklah boleh diterima di semua mahkamah.

Pindaan kepada Daftar Hak Cipta

26c. (1) Pengawal boleh membetulkan apa-apa kesilapan perkeranian dalam mana-mana catatan yang dibuat dalam Daftar Hak Cipta.

(2) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi—

- (a) membetulkan apa-apa kesilapan dalam catatan dalam Daftar; atau
- (b) memadamkan atau meminda apa-apa catatan yang dibuat secara salah dalam atau yang masih ada dalam Daftar,

dan apa-apa pembetulan, pemadaman atau pindaan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang diperintahkan oleh mahkamah.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi yang berkenaan di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 27A

17. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 27A dengan seksyen yang berikut:

“Badan pelesenan

27A. (1) Suatu persatuan atau pertubuhan boleh memohon kepada Pengawal supaya diisyiharkan sebagai suatu badan pelesenan bagi pemunya hak cipta atau bagi golongan pemunya hak cipta tertentu.

(2) Suatu permohonan untuk perisytiharan hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk dan pada apa-apa bahantara yang ditentukan oleh Pengawal yang hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) dokumen konstituen pemohon, yang objektif utamanya, atau satu daripada objektif utamanya, adalah untuk merundingkan atau memberikan lesen hak cipta, sama ada sebagai pemunya atau bakal pemunya hak cipta atau sebagai ejen baginya, dan yang matlamatnya termasuk juga memberikan lesen yang merangkumi karya lebih daripada seorang pencipta; dan
- (b) senarai pemunya hak cipta atau ejen mereka yang menjadi anggota pemohon.

(3) Apabila diterima suatu permohonan, Pengawal boleh mengisyiharkan pemohon sebagai suatu badan pelesenan dan mengeluarkan perisytiharan bertulis yang bermaksud sedemikian kepada pemohon itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), Pengawal hendaklah menolak sesuatu permohonan jika maklumat yang diberikan oleh pemohon menurut subseksyen (2) adalah tidak mencukupi atau tidak memuaskan untuk menunjukkan bahawa pemohon layak dan sesuai untuk menjadi badan pelesenan.

(5) Perisyiharan sesuatu persatuan atau pertubuhan sebagai badan pelesenan di bawah seksyen ini hendaklah bererti bahawa badan pelesenan itu mempunyai hak untuk bertindak bagi dan bagi pihak anggotanya mengenai perkara yang berhubungan dengan hak anggota itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini menurut—

- (a) peraturan badan pelesenan itu; dan
- (b) apa-apa perkiraan kontraktual yang mungkin dibuat antara badan pelesenan dengan anggotanya.

(6) Badan pelesenan hendaklah memberi Pengawal suatu salinan akaun untung rugi, penyata kira-kira dan laporan juruauditnya yang dibentangkan pada mesyuarat agung tahunan badan pelesenan itu tidak lewat daripada satu bulan selepas tarikh mesyuarat agung tahunan itu.

(7) Pengawal boleh membatalkan perisyiharan yang diberikan kepada sesuatu badan pelesenan jika dia berpuas hati bahawa badan pelesenan itu—

- (a) tidak berfungsi dengan memadai sebagai suatu badan pelesenan;
- (b) tidak lagi mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak kesemua anggotanya;
- (c) tidak bertindak menurut peraturannya atau untuk kepentingan terbaik anggotanya, atau ejen mereka;
- (d) telah mengubah peraturannya sehingga tidak lagi mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (e) tanpa alasan yang munasabah, telah enggan atau tidak mematuhi peruntukan Akta ini; atau
- (f) telah dibubarkan.

(8) Badan pelesenan yang terkilan dengan keputusan Pengawal di bawah subseksyen (7) boleh merayu kepada Tribunal dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu.”.

Seksyen baru 27AA

18. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27A seksyen yang berikut:

“Skim pelesenan yang kepadanya seksyen 27B hingga 27G terpakai

27AA. (1) Seksyen 27B hingga 27G hendaklah terpakai kepada skim pelesenan yang dikendalikan oleh badan pelesenan yang berhubungan dengan hak cipta dalam apa-apa karya, setakat yang ia berhubungan dengan lesen bagi—

- (a) mengeluarkan semula karya itu;
- (b) mempersembahkan, menunjukkan atau memainkan karya itu kepada awam;
- (c) menyampaikan karya itu kepada awam;
- (d) menyiarkan semula karya itu;
- (e) menyewakan secara komersial karya itu kepada awam; atau
- (f) membuat adaptasi karya itu.

(2) Bagi maksud seksyen 27B hingga 27G, “skim pelesenan” ertiinya mana-mana skim pelesenan yang diperihalkan dalam subseksyen (1).”.

Pindaan seksyen 27C

19. Subseksyen 27C(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” yang terdapat di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma dengan perkataan “; atau”;
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) seseorang yang telah diberi lesen yang kepadanya skim pelesenan terpakai,”; dan
- (d) dengan memasukkan sebelum perkataan “orang atau pertubuhan itu” perkataan “pengendali.”.

Pindaan seksyen 27D

20. Subseksyen 27D(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Jika” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (2), jika”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” yang terdapat di hujung perenggan itu;
- (c) dalam perenggan (c), dengan menggantikan koma dengan perkataan “; atau”; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - “(d) seseorang yang telah diberi lesen yang kepadanya skim pelesenan terpakai.”.

Pindaan seksyen 28

21. Seksyen 28 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “**Penubuhan**” perkataan “**dan kuasa**”;
- (b) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai subseksyen (1); dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - “(2) Tribunal hendaklah mempunyai kuasa untuk memutuskan perkara yang berikut:
 - (a) suatu permohonan oleh pelaku di bawah seksyen 16B;
 - (b) apa-apa rujukan oleh pengendali, seseorang atau sesuatu pertubuhan yang disebut dalam Bahagian IVa;
 - (c) suatu rayuan oleh badan pelesenan di bawah subseksyen 27A(8); dan
 - (d) penjalanan kuasa di bawah seksyen 31.”.

Pindaan seksyen 29**22.** Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (b), dengan mengantikan perkataan “Timbalan Pengerusi” dengan perkataan “lima orang Timbalan Pengerusi”; dan
- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “tidak lebih daripada dua puluh orang” dengan perkataan “dua belas orang”; dan

(b) dalam subseksyen (2), (3), (5) dan (6) teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Deputy Chairman” dengan perkataan “Deputy Chairmen”.

Pindaan seksyen 30**23.** Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “seorang anggota Tribunal lain untuk bertindak sebagai Pengerusi bagi maksud prosiding itu” dengan perkataan “seorang Timbalan Pengerusi untuk bertindak sebagai pengerusi bagi maksud prosiding itu”;

(b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “atau anggota yang mempengerusikan” dengan perkataan “prosiding itu”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (7) dengan subseksyen yang berikut:

“ (7) Dalam mana-mana hal yang disebut dalam subseksyen (6) jika anggota yang tidak dapat meneruskan prosiding ialah pengerusi prosiding itu, maka Menteri hendaklah—

(a) melantik daripada kalangan anggota yang tinggal seorang pengerusi baru bagi maksud prosiding yang diteruskan itu; dan

- (b) jika sesuai, melantik seorang Timbalan Pengerusi untuk menghadiri prosiding bagi menasihati anggota prosiding itu tentang apa-apa isu yang mungkin berbangkit semasa prosiding itu.”.

Pindaan seksyen 31

24. Seksyen 31 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “bahasa kebangsaan” perkataan “atau bahasa vernakular lain di Malaysia”;
- (b) dalam subseksyen (2), perenggan (3)(a) dan (g) dan subseksyen (5) dan (6), dengan memasukkan selepas perkataan “bahasa kebangsaan” perkataan “atau bahasa vernakular lain”; dan
- (c) dalam subperenggan (3)(b)(ii), dengan menggantikan perkataan “menemui pemunya tersebut” dengan perkataan “mengesan atau memastikan pemunya itu;”.

Pindaan seksyen 36

25. Seksyen 36 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (3), (4) dan (5).

Seksyen baru 36A dan 36B

26. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 36 seksyen yang berikut:

“Pemintasan langkah perlindungan teknologi

36A. (1) Jika suatu langkah perlindungan teknologi dipakai ke atas suatu salinan karya oleh atau dengan kebenaran pemunya hak cipta karya itu, tiada seorang pun boleh memintasi, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain untuk memintasi, langkah perlindungan teknologi—

- (a) yang digunakan oleh pemunya hak cipta itu berkaitan dengan penjalanan haknya di bawah Akta ini; dan

- (b) yang menyekat perbuatan berkenaan dengan karyanya yang tidak dibenarkan oleh pemunya yang berkenaan atau yang tidak diizinkan oleh undang-undang.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika pemintasan langkah perlindungan teknologi itu adalah—

- (a) semata-mata bagi maksud mencapai operasi salingan suatu program komputer yang dicipta secara berasingan dengan program asal atau mana-mana program lain;
- (b) semata-mata bagi maksud mengenal pasti dan menganalisis kecacatan dan perihal mudahnya diserang teknologi penyulitan;
- (c) semata-mata bagi maksud menguji, menyiasat atau membetulkan keselamatan komputer, sistem komputer atau rangkaian komputer;
- (d) semata-mata bagi maksud mengenal pasti dan melumpuhkan suatu keupayaan yang tidak terzahir untuk mengumpul atau menyebarkan maklumat pengenalan peribadi mengenai aktiviti atas talian orang sebenar;
- (e) berhubungan dengan apa-apa perbuatan yang mematuhi undang-undang, semata-mata bagi maksud—
 - (i) penguatkuasaan undang-undang;
 - (ii) keselamatan negara; atau
 - (iii) pelaksanaan suatu fungsi statutori; atau
- (f) dibuat oleh perpustakaan, arkib atau institusi pendidikan semata-mata bagi maksud membuat keputusan mengenai pemerolehan berhubungan dengan suatu karya yang dalamnya wujud hak cipta.

(3) Tiada seorang pun boleh—

- (a) membuat untuk dijual atau disewakan;
- (b) mengimport selain untuk penggunaan persendirian dan domestik; atau
- (c) dalam perjalanan urusan—
 - (i) menjual atau menyewakan;
 - (ii) menawarkan atau mendedahkan untuk dijual atau disewakan;

- (iii) mengiklankan untuk dijual atau disewakan;
 - (iv) memiliki; atau
 - (v) mengedarkan;
- (d) mengedarkan bagi maksud selain dalam perjalanan urusan sehingga suatu takat yang menjelaskan pemunya hak cipta itu; atau
- (e) menawarkan kepada awam atau memberikan apa-apa perkhidmatan berhubungan dengan,
- apa-apa teknologi, alat atau komponen yang—
- (A) dipromosikan, diiklankan atau dipasarkan bagi maksud memintasi langkah perlindungan teknologi;
 - (B) mempunyai maksud atau kegunaan komersial penting yang terhad selain untuk memintasi langkah perlindungan teknologi; atau
 - (B) direka, dikeluarkan, diadaptasi atau dipersembahkan terutamanya bagi maksud untuk membolehkan atau memudahkan pemintasan langkah perlindungan teknologi.
- (4) Menteri boleh menetapkan apa-apa teknologi, alat atau komponen yang boleh dikendalikan sebagai suatu langkah perlindungan teknologi untuk dikecualikan daripada pemakaian seksyen ini.

Maklumat pengurusan hak

36B. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) menanggalkan atau mengubah apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran; atau
- (b) mengedarkan, mengimport untuk pengedaran atau penyampaian kepada awam, tanpa kebenaran, karya atau salinan karya dengan mengetahui bahawa maklumat pengurusan hak elektronik telah ditanggalkan atau diubah tanpa kebenaran,

dan dengan mengetahui atau mempunyai alasan munasabah untuk mengetahui bahawa perbuatan itu akan menyebabkan, membolehkan, memudahkan atau menyembunyikan suatu pelanggaran apa-apa hak di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika penanggalan atau pengubahan apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran adalah—

(a) berhubungan dengan apa-apa yang dilakukan dengan sah semata-mata bagi maksud—

(i) penguatkuasaan undang-undang;

(ii) keselamatan negara; atau

(iii) pelaksanaan suatu fungsi statutori; atau

(b) dibuat oleh perpustakaan, arkib atau institusi pendidikan semata-mata bagi maksud membuat keputusan mengenai pemerolehan berhubungan dengan suatu karya yang dalamnya wujud hak cipta.

(3) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 41, “maklumat pengurusan hak” ertinya maklumat yang mengenal pasti karya, pencipta karya, pemunya apa-apa hak dalam karya, pelaku atau terma dan syarat penggunaan karya, apa-apa nombor atau kod yang menggambarkan maklumat sedemikian, apabila mana-mana butiran ini dilekatkan kepada salinan sesuatu karya atau kelihatan berkaitan dengan penyampaian sesuatu karya kepada awam.”.

Pindaan seksyen 37

27. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 37 dengan seksyen yang berikut:

“37. (1) Tindakan terhadap pelanggaran hak cipta dan perbuatan yang dilarang di bawah seksyen 36A dan 36B bolehlah diambil tindakan atas guaman pemunya hak cipta itu dan, dalam apa-apa tindakan bagi pelanggaran atau perbuatan yang dilarang sedemikian, mahkamah boleh memberikan jenis relief yang berikut:

(a) suatu perintah injunksi;

(b) ganti rugi;

(c) suatu akaun keuntungan;

(d) ganti rugi statutori yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit bagi setiap karya, tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit pada agregatnya; atau

(e) apa-apa perintah lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), semua relief boleh didapati oleh plaintif dalam sesuatu tindakan di bawah subseksyen 36A(3) kecuali ganti rugi statutori.

(3) Dalam membuat sesuatu award di bawah perenggan (1)(b), mahkamah boleh juga membuat perintah di bawah perenggan (1)(c) bagi suatu akaun apa-apa keuntungan yang boleh dikaitkan dengan pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu yang tidak diambil kira dalam mengira ganti rugi.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), jenis relief yang disebut dalam perenggan (1)(b), (c) dan (d) adalah berbeza sama sekali.

(5) Bagi maksud perenggan (1)(d), semua bahagian sesuatu karya kolektif hendaklah dikira sebagai satu karya.

(6) Jika dalam sesuatu tindakan di bawah seksyen ini telah dipastikan bahawa suatu pelanggaran atau perbuatan yang dilarang di bawah seksyen 36A atau 36B telah dilakukan tetapi juga telah dipastikan bahawa pada masa pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu dilakukan defendant tidak menyedari, dan tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki, bahawa perbuatan itu ialah suatu pelanggaran hak cipta atau dilarang di bawah seksyen 36A atau 36B, plaintif tidaklah berhak di bawah seksyen ini kepada apa-apa ganti rugi terhadap defendant berkenaan dengan pelanggaran atau perbuatan yang dilarang yang dilakukan itu, tetapi hendaklah berhak kepada suatu akaun keuntungan atau ganti rugi statutori sama ada apa-apa relief lain diberikan atau tidak di bawah seksyen ini.

(7) Jika dalam sesuatu tindakan di bawah seksyen ini pelanggaran hak cipta atau pelakuan perbuatan yang dilarang di bawah seksyen 36A atau 36B dipastikan, mahkamah boleh, dalam menilai ganti rugi bagi pelanggaran atau pelakuan perbuatan yang dilarang itu, mengaward apa-apa ganti rugi

tambahan yang difikirkannya patut dalam hal keadaan itu jika ia berpuas hati bahawa adalah patut untuk berbuat demikian dengan mengambil kira—

- (a) bahawa pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu dibuat secara terang-terangan;
- (b) apa-apa faedah yang dibuktikan sebagai telah terakru kepada defendan oleh sebab pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu; dan
- (c) semua perkara lain yang berkaitan.

(8) Dalam mengaward ganti rugi statutori di bawah perenggan (1)(d), mahkamah hendaklah mengambil kira—

- (a) sifat dan maksud perbuatan yang melanggar atau perbuatan yang dilarang itu, termasuk sama ada perbuatan yang melanggar atau perbuatan yang dilarang itu bersifat komersial atau selainnya;
- (b) bahawa pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu dibuat secara terang-terangan;
- (c) sama ada defendan bertindak dengan niat jahat;
- (d) apa-apa kerugian yang dialami oleh plaintiff atau berkemungkinan akan dialami oleh plaintiff oleh sebab pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu;
- (e) apa-apa faedah yang dibuktikan sebagai telah terakru kepada defendan atas sebab pelanggaran atau perbuatan yang dilarang itu;
- (f) kelakuan pihak-pihak sebelum dan semasa prosiding;
- (g) keperluan untuk menghalang pelanggaran atau perbuatan yang dilarang lain yang serupa; dan
- (h) semua perkara lain yang berkaitan.

(9) Injunksi tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa prosiding di bawah seksyen ini jika ia mengkehendaki sesuatu bangunan yang sudah siap atau sebahagiannya sudah dibina diruntuhkan atau menahan sesuatu bangunan yang sebahagiannya sudah dibina daripada disiapkan.

(10) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 38—

- (a) “tindakan” termasuklah tuntutan balas, dan sebutan mengenai plaintiff dan mengenai defendant dalam sesuatu tindakan hendaklah ditafsirkan sewajarnya;



- (b) “karya kolektif” ertinya suatu karya yang dalamnya bahan yang berkaitan, yang setiap satunya merupakan karya yang berasingan dan tersendiri, dikumpulkan menjadi suatu karya lengkap secara kolektif; dan
 - (c) “mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi yang berkenaan di Malaysia.
- (11) Bagi maksud seksyen ini, “pemunya hak cipta” ertinya pemunya pertama atau pemegang serah hak bahagian hak cipta yang berkaitan itu.”.

Pindaan seksyen 38

28. Subseksyen 38(7) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “pembayaran gantirugi” perkataan “atau ganti rugi statutori”; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “ganti rugi,” perkataan “ganti rugi statutori”.

Pindaan seksyen 40

29. Subseksyen 40(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (2),” dengan perkataan “Walau apa pun apa-apa syarat kontrak yang nyata yang sebaliknya.”.

Pindaan seksyen 41

30. Seksyen 41 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dalam perenggan (h)—
 - (A) dengan memasukkan selepas perkataan “atau menyebabkan” perkataan “atau membenarkan”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “subseksyen 36(3)” dengan perkataan “subseksyen 36A(1);”;

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (*h*) perenggan yang berikut:

“(ha) membuat, mengimport atau menjual apa-apa teknologi atau alat bagi maksud memintas langkah perlindungan teknologi yang disebut dalam subseksyen 36A(3);”;

- (iii) dalam perenggan (*i*), dengan memasukkan sebelum perkataan “tanpa kebenaran” perkataan “yang disebut dalam seksyen 36B”; dan

- (vi) dalam perenggan (ii), dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan (*g*)” perkataan “dan (ha)”;

- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “karya sastera atau muzik” dengan perkataan “karya sastera atau muzik, rakaman bunyi atau filem”; dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Jika sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan atau oleh seseorang yang menjadi pekongsi dalam suatu firma, tiap-tiap pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, setiausaha, pengurus atau pegawai lain pertubuhan perbadanan itu yang serupa atau tiap-tiap pekongsi lain dalam firma itu atau bermaksud untuk bertindak dalam apa-apa sifat sedemikian atau dalam apa-apa cara atau bertanggungjawab hingga apa-apa takat bagi pengurusan hal ehwal pertubuhan perbadanan atau firma itu atau membantu dalam pengurusan sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu dan boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan atau firma itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.”.

Pindaan seksyen 42

31. Subseksyen 42(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Afidavit” perkataan “, petikan yang diperakui sah daripada Daftar Hak Cipta yang disebut dalam seksyen 26B”.

Bahagian baru VIA dan VIb

32. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VI Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN VIA

ANTIRAKAMAN KAMERA

Kesalahan berhubungan dengan antirakaman kamera

43A. (1) Mana-mana orang yang mengendalikan suatu alat perakam pandang dengar di dalam bilik penayangan untuk merekod apa-apa filem secara keseluruhannya atau sebahagiannya melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang bersalah atas cubaan untuk melakukan kesalahan di bawah subseksyen (1) apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan—

“alat perakam pandang dengar” ertiya apa-apa alat yang berkebolehan untuk merakamkan atau memancarkan wayang gambar atau mana-mana bahagiannya;

“wayang gambar” ertiya filem;

“bilik penayangan” ertiya mana-mana tempat yang digunakan untuk mempamerkan atau menayangkan wayang gambar, termasuklah panggung wayang gambar.

BAHAGIAN VI B**PENGEHADAN TANGGUNGAN PEMBERI
PERKHIDMATAN****Tafsiran**

43B. Bagi maksud Bahagian ini, ungkapan—

“rangkaian lain” ertinya apa-apa jenis rangkaian yang boleh disambungkan dengan rangkaian utama;

“mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi yang berkenaan di Malaysia;

“salinan elektronik” berhubungan dengan apa-apa karya ertinya suatu salinan karya dalam bentuk elektronik dan termasuk versi asal karya itu dalam bentuk itu atas rangkaian;

“rangkaian pemula” ertinya rangkaian lain yang daripadanya suatu salinan elektronik bermula;

“rangkaian utama” berhubungan dengan pemberi perkhidmatan ertinya suatu rangkaian yang dikawal atau dikendalikan oleh atau bagi pemberi perkhidmatan itu;

“penghalaan” ertinya mengarahkan atau memilih cara atau hala bagi pemancaran data;

“pemberi perkhidmatan”—

(a) bagi maksud seksyen 43c, ertinya seseorang yang memberikan perkhidmatan berhubungan dengan, atau mengadakan penyambungan bagi, capaian, pemancaran atau penghalaan data; dan

(b) bagi maksud Bahagian ini selain seksyen 43c, ertinya seseorang yang memberikan, atau mengendalikan kemudahan bagi, perkhidmatan atas talian atau capaian rangkaian dan termasuk seseorang yang disebut dalam perenggan (a).

Pemancaran, penghalaan dan pengadaan penyambungan

43c. (1) Pemberi perkhidmatan tidaklah bertanggungan bagi pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya jika pelanggaran itu berlaku oleh sebab—

- (a) pemancaran atau penghalaan, atau pengadaan penyambungan, oleh pemberi perkhidmatan bagi salinan elektronik karya itu melalui rangkaian utamanya; atau
- (b) apa-apa storan fana salinan elektronik karya itu oleh pemberi perkhidmatan dalam perjalanan pemancaran, penghalaan atau pengadaan penyambungan itu:

Dengan syarat bahawa—

- (A) pemancaran salinan elektronik karya itu dimulakan oleh atau atas arahan seseorang selain pemberi perkhidmatan;
- (B) pemancaran, penghalaan, pengadaan penyambungan atau storan dijalankan melalui suatu proses teknikal automatik tanpa apa-apa pemilihan salinan elektronik karya oleh pemberi perkhidmatan;
- (C) pemberi perkhidmatan tidak memilih penerima salinan elektronik karya kecuali sebagai jawapan automatik kepada permintaan seseorang lain; atau
- (D) pemberi perkhidmatan tidak membuat apa-apa pengubahsuaian, selain pengubahsuaian yang dibuat sebagai sebahagian daripada proses teknikal, kepada kandungan salinan elektronik karya itu semasa pemancarannya melalui rangkaian utama.

(2) Jika bahan langgaran telah dikenal pasti sebagai berasal dari suatu lokasi atas talian di luar Malaysia atau daripada suatu akaun tertentu dan jika mahkamah berpuas hati bahawa subseksyen (1) terpakai bagi pemberi perkhidmatan, mahkamah boleh memerintahkan pemberi perkhidmatan—

- (a) supaya mengambil langkah yang munasabah untuk melumpuhkan capaian kepada suatu lokasi atas talian yang secara fizikalnya terletak di luar Malaysia; atau
- (b) supaya menamatkan akaun tertentu itu.

Sistem caching

43D. (1) Pemberi perkhidmatan tidaklah bertanggungan bagi pelanggaran hak cipta bagi pembuatan apa-apa salinan elektronik karya di rangkaian utamanya jika ia—

- (A) daripada suatu salinan elektronik karya yang tersedia di suatu rangkaian pemula;
- (B) melalui suatu proses automatik;
- (C) tindak balas kepada suatu tindakan oleh pengguna rangkaian utamanya; atau
- (D) bagi memudahkan capaian efisien kepada karya oleh seseorang pengguna:

Dengan syarat bahawa—

- (A) pemberi perkhidmatan tidak membuat apa-apa pengubahsuaian substantif, selain pengubahsuaian yang dibuat sebagai sebahagian daripada proses teknikal, kepada kandungan salinan elektronik semasa pemancaran salinan itu kepada pengguna rangkaian utamanya atau rangkaian lain; dan
- (B) pemberi perkhidmatan memenuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri berhubungan dengan—
 - (i) capaian kepada salinan elektronik oleh pengguna rangkaian utamanya atau rangkaian lain;
 - (ii) penyegaran semula, muatan semula atau pengemaskinian salinan elektronik itu; dan
 - (iii) ketiadaan gangguan terhadap teknologi yang digunakan di rangkaian pemula untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan apa-apa karya di rangkaian pemula, yang merupakan teknologi yang konsisten dengan standard industri di Malaysia.

(2) Pemberi perkhidmatan tidaklah bertanggungan di bawah seksyen ini jika pemunya hak cipta atau ejennya tidak memberikan apa-apa pemberitahuan di bawah seksyen 43H.

Storan dan peralatan lokasi maklumat

43E. (1) Pemberi perkhidmatan tidaklah bertanggungan bagi pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya jika pelanggaran itu berlaku oleh sebab—

- (a) salinan elektronik karya itu distor atas arahan seorang pengguna rangkaian utama;
- (b) pemberi perkhidmatan merujukkan atau memautkan seorang pengguna kepada suatu lokasi atas talian di rangkaian pemula di mana salinan elektronik karya itu menjadi tersedia dengan penggunaan peralatan lokasi maklumat seperti hiperlink atau direktori, atau suatu perkhidmatan lokasi maklumat seperti suatu enjin pencari, jika—
 - (i) pemberi perkhidmatan—
 - (aa) tidak mempunyai pengetahuan sebenar bahawa salinan elektronik karya atau aktiviti itu ialah suatu langgaran; atau
 - (bb) dalam ketiadaan pengetahuan sebenar, tidak sedar akan fakta atau hal keadaan yang daripadanya aktiviti langgaran itu ternyata;
 - (ii) pemberi perkhidmatan tidak menerima apa-apa faedah kewangan yang boleh dikaitkan secara langsung dengan pelanggaran hak cipta dalam karya yang berlaku dalam, atau dalam urusan, menjadikan karya elektronik itu tersedia di rangkaian utamanya atau rangkaian lain, dan bahawa pemberi perkhidmatan itu tidak mempunyai hak dan keupayaan untuk mengawal aktiviti langgaran itu; dan

(iii) apabila pemberitahuan mengenai apa-apa pelanggaran di bawah seksyen 43H diterima, pemberi perkhidmatan memberikan tindak balas dalam masa yang ditentukan untuk menyingkirkan atau melumpuhkan capaian kepada bahan yang didakwa sebagai pelanggaran atau hal perkara aktiviti pelanggaran.

(2) Dalam menentukan sama ada sesuatu faedah kewangan boleh dikaitkan secara langsung dengan pelanggaran hak cipta dalam karya, mahkamah hendaklah mengambil kira—

- (a) amalan perindustrian berhubungan dengan pengenaan bayaran bagi perkhidmatan oleh pemberi perkhidmatan;
- (b) sama ada faedah kewangan itu adalah lebih besar daripada faedah yang biasanya terhasil daripada pengenaan bayaran menurut amalan perindustrian yang sudah diterima; dan
- (c) apa-apa perkara lain yang difikirkan relevan oleh mahkamah.

(3) Pemberi perkhidmatan tidaklah bertanggungan di bawah seksyen ini jika pemunya hak cipta atau ejennya tidak memberikan apa-apa pemberitahuan di bawah seksyen 43H.

Pengecualian pemberi perkhidmatan daripada tanggungan bagi penyingkiran salinan atau aktiviti lain daripada rangkaian

43F. (1) Pemberi perkhidmatan yang bertindak dengan mematuhi subseksyen 43H(1) dan menurut Bahagian ini tidaklah tertakluk kepada apa-apa tanggungan berkenaan dengan sesuatu tindakan yang diambil dengan suci hati berhubungan dengan—

- (a) penyingkiran salinan elektronik karya daripada rangkaian utamanya; atau
- (b) pelumpuhan capaian kepada salinan elektronik karya di rangkaian utamanya atau rangkaian lain.

(2) Apabila salinan elektronik karya telah disingkirkan atau dilumpuhkan capaiannya di bawah subseksyen (1), pemberi perkhidmatan hendaklah memberitahu, setakat yang boleh dilaksanakan, orang yang telah menyediakan salinan elektronik itu mengenai tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan dan melampirkan dengannya suatu salinan pemberitahuan yang diterimanya menurut subseksyen 43H(1).

(3) Walau apa pun apa-apa yang bertentangan, jika—

- (a) akibat daripada penyelesaian antara pemunya hak cipta karya dengan orang yang menyediakan salinan elektronik karya itu, pemberi perkhidmatan menerima pemberitahuan bertulis daripada mana-mana pihak untuk mengembalikan salinan elektronik itu di rangkaian atau mengembalikan capaian kepada salinan itu; atau
- (b) orang yang menyediakan salinan elektronik karya itu telah dihakimi oleh mana-mana mahkamah atau tribunal sebagai pemunya hak cipta karya itu yang sah,

pemberi perkhidmatan hendaklah, setakat yang boleh dilaksanakan—

- (A) mengembalikan salinan elektronik karya itu di rangkaian utamanya; atau
- (B) mengembalikan capaian kepada salinan elektronik karya itu di rangkaian utamanya atau rangkaian lain:

Dengan syarat bahawa pemberi perkhidmatan itu dilengkapi dengan dokumentasi yang sepatutnya berhubungan dengan penyelesaian antara pihak-pihak atau penghakiman atau keputusan mahkamah atau tribunal itu.

(4) Pemberi perkhidmatan tidak boleh dikira sebagai telah membenarkan pelakuan apa-apa perbuatan yang melanggar hak cipta di bawah Akta ini semata-mata oleh sebab pemberi perkhidmatan memberikan kemudahan yang telah digunakan oleh seseorang untuk melakukan perbuatan langgaran itu.

Maklumat mengenai pemberi perkhidmatan

43G. (1) Dalam memberikan perkhidmatannya kepada pengguna, pemberi perkhidmatan hendaklah menjadikan tersedia maklumat yang berikut dengan cara yang boleh dicapai oleh mana-mana orang yang menggunakan perkhidmatan itu:

- (a) nama dan alamat pemberi perkhidmatan; dan
- (b) perincian dan butiran ejen yang ditetapkan untuk menerima apa-apa aduan atau notis berkenaan dengan pengataan pelanggaran hak cipta.

(2) Ketidakpatuhan subseksyen (1) oleh pemberi perkhidmatan tidak mengehakkan pemberi perkhidmatan itu untuk bergantung kepada perlindungan yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini.

Pemberitahuan oleh pemunya hak cipta dan kesannya

43H. (1) Jika suatu salinan elektronik apa-apa karya yang boleh dicapai dalam suatu rangkaian melanggar hak cipta sesuatu karya, pemunya hak cipta yang telah dilanggar itu boleh memberitahu pemberi perkhidmatan rangkaian itu mengenai pelanggaran sedemikian dengan mengeluarkan kepada pemberi perkhidmatan suatu pemberitahuan mengikut cara yang ditentukan oleh Menteri, menghendaki pemberi perkhidmatan untuk menyingkirkan atau melumpuhkan apa-apa capaian kepada salinan elektronik itu di rangkaian pemberi perkhidmatan:

Dengan syarat bahawa pemunya hak cipta itu hendaklah mengaku janji untuk memampasi pemberi perkhidmatan atau mana-mana orang lain bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau tanggungan yang berbangkit daripada pematuhan pemberitahuan itu oleh pemberi perkhidmatan.

(2) Pemberi perkhidmatan yang telah menerima pemberitahuan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyingkirkan atau melumpuhkan apa-apa capaian kepada salinan elektronik yang melanggar itu di rangkaianya tidak lewat daripada empat puluh lapan jam dari masa pemberitahuan itu diterima.



(3) Orang yang salinan elektronik karyanya telah disingkirkan atau capaian kepadanya telah dilumpuhkan menurut subseksyen (2) boleh mengeluarkan kepada pemberi perkhidmatan suatu pemberitahuan balas mengikut cara yang ditentukan oleh Menteri, menghendaki pemberi perkhidmatan itu mengembalikan salinan elektronik itu atau capaian kepadanya di rangkaian utama pemberi perkhidmatan:

Dengan syarat bahawa orang itu hendaklah mengaku janji untuk memampasi pemberi perkhidmatan atau mana-mana orang lain bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau tanggungan yang berbangkit daripada pematuhan pemberitahuan balas itu oleh pemberi perkhidmatan.

(4) Pemberi perkhidmatan hendaklah—

- (a) apabila diterimanya suatu pemberitahuan balas, dengan segera memberi pengeluar pemberitahuan di bawah subseksyen (1) suatu salinan pemberitahuan balas itu dan memberitahu pengeluar itu bahawa bahan yang disingkirkan itu atau capaian kepada bahan tersebut akan dikembalikan dalam tempoh sepuluh hari bekerja; dan
- (b) mengembalikan bahan yang disingkirkan itu atau capaian kepadanya tidak kurang daripada sepuluh hari bekerja berikutan penerimaan pemberitahuan balas itu, melainkan jika pemberi perkhidmatan telah menerima suatu pemberitahuan lain daripada pengeluar pemberitahuan di bawah subseksyen (1) bahawa dia telah memfaikan tindakan memohon perintah mahkamah untuk menahan pengeluar pemberitahuan balas di bawah subseksyen (3) daripada terlibat dalam apa-apa aktiviti pelanggaran berhubungan dengan bahan di rangkaian pemberi perkhidmatan.

(5) Pemberitahuan balas hendaklah dikeluarkan kepada ejen yang ditetapkan bagi pemberi perkhidmatan yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) tandatangan fizikal atau elektronik pelanggan;
- (b) pengenalan bahan yang telah disingkirkan atau yang kepadanya capaian telah dilumpuhkan dan lokasi di mana bahan itu muncul sebelum ia disingkirkan atau capaian kepadanya dilumpuhkan;

- (c) pernyataan di bawah hukuman sumpah bohong bahawa pengeluar dengan suci hati mempercayai bahawa bahan itu disingkirkan atau dilumpuhkan daripada kesilapan atau salah pengenalan bahan yang akan disingkirkan atau dilumpuhkan itu; dan
- (d) nama, alamat, nombor telefon pengeluar dan pernyataan bahawa pengeluar bersetuju kepada bidang kuasa mahkamah tempat terletaknya alamat itu, atau jika alamat pengeluar adalah di luar Malaysia, di mana pemberi perkhidmatan boleh dijumpai, dan bahawa pelanggan akan menerima penyampaian proses daripada orang yang memberikan pemberitahuan di bawah subseksyen (1) atau ejen orang itu.

Pembuat notis palsu melakukan kesalahan dan bertanggungan bagi ganti rugi

43I. (1) Jika seseorang yang membuat pemberitahuan menurut seksyen 43H membuat apa-apa pernyataan yang palsu, yang diketahuinya adalah palsu atau yang tidak dipercayanya adalah benar, dan yang menyentuh apa-apa perkara yang penting bagi matlamat pemberitahuan itu —

- (a) dia telah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) dia bertanggungan untuk membayar pampasan kepada mana-mana orang yang mengalami apa-apa kehilangan atau kerugian akibat daripada pembuatan pemberitahuan itu.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai sama ada pernyataan itu dibuat di Malaysia atau tidak, dan jika seseorang membuat pernyataan di luar Malaysia, dia boleh diuruskan di bawah perenggan (1)(a) seolah-olah kesalahan itu dilakukan di Malaysia.”.

Seksyen baru 45A

33. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 45 seksyen yang berikut:

“Akses kepada data komputer atau digital”

45A. (1) Mana-mana Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen 44, jika perlu, diberi akses kepada data komputer atau digital sama ada distor dalam komputer atau apa-apa medium lain.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “akses” termasuklah diberi kata laluan yang diperlukan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan dan apa-apa cara lain yang dikehendaki bagi membolehkan data komputer itu difahami.”.

Pindaan seksyen 50

34. Subseksyen 50(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “penyiasatan polis” perkataan “dalam kes boleh tangkap yang diberikan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]”.

Seksyen baru 50B

35. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 50A seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk memintas komunikasi”

50B. (1) Walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, Pendakwa Raya, jika difikirkannya bahawa apa-apa komunikasi berkemungkinan mengandungi apa-apa maklumat yang relevan bagi maksud apa-apa penyiasatan kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, boleh, atas permohonan Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, membentarkan pegawai itu untuk memintas atau mendengar apa-apa komunikasi yang dipancarkan atau diterima oleh mana-mana komunikasi.

(2) Apabila seseorang dipertuduh dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya, apa-apa maklumat yang diperoleh oleh Penolong Pengawal atau pegawai polis di bawah subseksyen (1), sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh, hendaklah boleh diterima dalam perbicaraannya sebagai keterangan.

(3) Kebenaran oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) boleh diberikan sama ada secara lisan atau bertulis; tetapi jika kebenaran lisan diberikan, Pendakwa Raya hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, mengubah kebenaran itu ke dalam bentuk bertulis.

(4) Suatu perakuan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh Penolong Pengawal atau pegawai polis di bawah subseksyen (1) telah dibenarkan olehnya di bawah subseksyen itu ialah keterangan konklusif bahawa dia telah dibenarkan sedemikian, dan perakuan itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangannya.

(5) Tiada seorang pun berada di bawah apa-apa kewajipan, tanggungjawab atau tanggungan, atau dengan apa cara jua dipaksa, untuk menzahirkan dalam apa-apa prosiding tatacara, kaedah, gaya atau cara, atau apa-apa perkara yang berhubungan dengannya, apa-apa jua yang dilakukan di bawah subseksyen (1).”.

Seksyen baru 51A

36. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 51 seksyen yang berikut:

“Keterangan *agent provocateur* boleh diterima

51A. (1) Walau apa pun undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, tiada *agent provocateur* boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai hanya oleh sebab dia cuba untuk bersubahat atau telah bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini jika cubaan untuk bersubahat atau pensubahatan itu adalah semata-mata bagi maksud mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, apa-apa pernyataan, sama ada lisan atau bertulis yang dibuat kepada *agent provocateur* oleh mana-mana orang yang selepas itu dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.”.

Seksyen baru 52A

37. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 52 seksyen yang berikut:

“Pemberian maklumat

52A. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mengetahui atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa seseorang Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjelaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang Penolong Pengawal atau pegawai polis di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjelaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Tiada apa pun dalam subseksyen (1) menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

- (a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam penjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau

- (b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.”.

Kecualian dan peralihan

38. (1) Timbalan Pengawal Hak Cipta, Penolong Pengawal Hak Cipta dan pegawai lain yang dilantik oleh Perbadanan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah subseksyen 5(2) Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(2) Semua persatuan atau pertubuhan yang, sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, telah beroperasi sebagai badan pelesenan hendaklah terus beroperasi sebagai badan pelesenan:

Dengan syarat bahawa persatuan atau pertubuhan itu hendaklah, dalam tempoh tiga bulan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, berdaftar dengan Pengawal.

(3) Pengawal hendaklah mengeluarkan kepada persatuan atau pertubuhan yang telah berdaftar dengan Pengawal di bawah subseksyen (2) suatu perisyntiaran bahawa ia suatu badan pelesenan di bawah subseksyen 27A(3) Akta ibu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Hak Cipta 1987 (“Akta 332”).

2. Akta Hak Cipta 1987 pada masa ini memperuntukkan perlindungan kepada karya sastera, karya seni, karya muzik, rakaman bunyi, filem, siaran dan perlindungan kepada pelaku. Pindaan yang dicadangkan termasuk peruntukan untuk memenuhi kehendak bagi kesertaan ke Triti *WIPO Copyrights* (WCT) dan Triti *WIPO Phonograms and Performances* (WPPT). Pindaan yang dicadangkan akan memastikan bahawa undang-undang hak cipta Malaysia konsisten dan terkini dengan perkembangan terbaru dan standard antarabangsa yang baru.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini.

4. *Fasal 2* bertujuan untuk memotong perkataan “secara langsung” dari ungkapan “persembahan secara langsung” di seluruh Akta kerana perkataan “persembahan” berupaya untuk membayangkan perbuatan yang dilakukan secara langsung. Pindaan yang dicadangkan ini juga konsisten dengan Artikel 2 WPPT.
5. *Fasal 3* bertujuan untuk menjelaskan lagi perkataan tertentu yang ditafsirkan dalam seksyen 3, seperti tafsiran “penetapan” dan “karya sastera”. Pindaan kepada tafsiran “karya sastera” adalah juga supaya ia selari dengan tafsiran yang dipakai dalam Konvensyen Berne. Ungkapan “langkah perlindungan teknologi” diperkenalkan untuk menyokong peruntukan baru yang dibuat dalam *fasal 26* tentang kesalahan berhubungan dengan langkah perlindungan teknologi.
6. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan 4(1)(d) bagi menjelaskan bahawa suatu persembahan mestilah dalam bentuk tetap untuk membolehkan ia terjumlah kepada penerbitan.
7. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 5(2) bagi memberi kuasa melantik Timbalan Pengawal, Penolong Pengawal dan mana-mana pegawai lain untuk mentadbir Akta kepada Menteri. Ia juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pengawal dan Timbalan Pengawal untuk menjalankan kuasa seorang Penolong Pengawal sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta.
8. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong subseksyen 7(6) mengenai eksplotasi rekaan karya seni, dengan itu membolehkan pemunya hak cipta menikmati perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta ini bagi tempoh 25 tahun dari tarikh ia mula-mula dipasarkan, yang merupakan tarikh produk mula-mula dihantar menurut tempahan yang diterima.
9. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan 8(b) bagi melanjutkan perlindungan hak cipta kepada kompilasi pangkalan data yang, oleh sebab penyusunannya, menjadikannya suatu ciptaan intelek.
10. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 9 dengan mengembangkan maksud di mana pengeluaran semula susunan tipografi suatu edisi yang diterbitkan tidak melanggar hak cipta selagi pengeluaran semula itu bersetujuan dengan konsep urusan yang wajar.
11. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(1) dengan memasukkan unsur WCT mengenai hak sewaan komersial bagi filem kepada pencipta sekiranya sewaan komersial itu mengurangkan hak pengeluaran semula. Perenggan 13(2)(a) juga dipinda dengan meluaskan pengecualian dan pengehadan daripada perenggan (a) sedia ada bagi maksud penyelidikan, pengajian sendiri dan pelaporan peristiwa semasa. Pindaan kepada perenggan (gggg) adalah bagi membolehkan pengubahsuaian karya ke dalam format untuk orang kurang penglihatan atau yang cacat dari segi fizikal atau mental. Pindaan kepada perenggan (j) adalah bagi mengembangkan hak pengeluaran semula apa-apa karya melalui penyiaran kepada semua penyiar selain daripada penyiar yang dimiliki oleh Kerajaan. Kemasukan perenggan baru (q) adalah bagi menyesuaikan penggunaan yang wajar melalui internet.

12. *Fasal 10* adalah akibat daripada pindaan yang dibuat dalam *fasal 6*.
13. *Fasal 11* bertujuan untuk memotong seksyen 13c yang tidak lagi terpakai di Malaysia.
14. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subseksyen 16A(1) supaya konsisten dengan kehendak Artikel 15 WPPT berhubungan dengan hak tentang pengeluaran semula persembahan yang ditetapkan. *Fasal 12* juga bertujuan bagi mengembangkan unsur pengecualian dan pengehadan kepada hak eksklusif pelaku dalam perenggan 16A(3)(b) dengan memasukkan apa-apa prosiding kehakiman, prosiding suruhanjaya diraja, badan perundangan, siasatan berkanun atau Kerajaan, atau apa-apa laporan mana-mana prosiding itu atau bagi maksud memberikan nasihat profesional oleh seorang pengamal undang-undang.
15. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 16B bagi menjelaskan lagi hak pelaku tentang saraan saksama. Ia juga memperuntukkan hak kepada pelaku untuk merujuk apa-apa ketidakpuasan hati tentang saraan saksama kepada Tribunal Hak Cipta.
16. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 23A bagi mematuhi kehendak Artikel 17 WPPT dalam memperuntukkan penjelasan tentang pengiraan tempoh perlindungan bagi persembahan yang ditetapkan.
17. *Fasal 16* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 26A, 26B dan 26C bagi memperuntukkan peruntukan baru berhubungan dengan mekanisma pemberitahuan karya hak cipta secara sukarela. Pemberitahuan ini adalah atas dasar suka rela dan tidak menghalang kehendak untuk mendapatkan dan melaksanakan perlindungan hak cipta yang tidak formal di bawah Konvensyen Berne. Sijil pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Pengawal hendaklah menjadi keterangan *prima facie* butiran berhubungan dengan hak cipta yang dinyatakan dalam Daftar Hak Cipta.
18. *Fasal 17* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru mengenai perisytiharan sesuatu persatuan atau organisasi sebagai badan pelesenan. Oleh itu, hanya badan yang layak dan sesuai boleh menjalankan perniagaan sebagai badan pelesenan.
19. *Fasal 18, 19 dan 20* bertujuan untuk meminda seksyen 27A, 27C dan 27D masing-masing berhubungan dengan pengendalian skim pelesenan. Pindaan ini bertujuan untuk memberi hak sama rata kepada pemegang lesen dan pengendali bagi merujuk apa-apa pertelingkahan mengenai skim pelesenan kepada Tribunal.
20. *Fasal 21* dan *22* bertujuan untuk meminda seksyen 28 dan 29 berhubungan dengan Tribunal dengan menyatakan kuasa Tribunal dengan jelas dan untuk meningkatkan bilangan Timbalan Pengawal dari satu kepada lima dan untuk mengurangkan bilangan anggota daripada tidak kurang daripada dua puluh kepada dua belas. Ini adalah bagi memenuhi keperluan mengadakan beberapa prosiding serentak.

21. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 30 bagi membolehkan Timbalan Pengerusi atau anggota Tribunal untuk bertindak sebagai pengerusi prosiding Tribunal dalam keadaan di mana Pengerusi tidak dapat mempengerusikan sesuatu prosiding.
22. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 31 bagi membolehkan permohonan bagi lesen wajib untuk mengeluarkan dan menerbitkan penterjemahan karya sastera ke dalam bahasa vernakular lain di Malaysia.
23. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda seksyen 36 akibat daripada *fasal 26* yang memperkenalkan dua seksyen baru tentang langkah perlindungan teknologi dan maklumat pengurusan hak.
24. *Fasal 26* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 36A dan 36B tentang langkah perlindungan teknologi dan maklumat pengurusan hak, konsisten dengan Artikel 18 WPPT dan Artikel 11 WCT. Seksyen baru 36A memperuntukkan tentang larangan tindakan memintasi langkah perlindungan teknologi dan seksyen 36B memperuntukkan tentang larangan menanggalkan atau mengubah maklumat pengurusan hak elektronik.
25. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 37 bagi memperuntukkan mengenai ganti rugi statutori sebagai suatu relief dalam tuntutan sivil bagi pelanggaran hak cipta dan juga perbuatan yang dilarang di bawah seksyen 36A dan 36B dan perkara yang berhubungan dengan award ganti rugi statutori.
26. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 38 akibat daripada pindaan di *fasal 27*.
27. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda subseksyen 40(1) bagi memperuntukkan penjelasan tentang perkara yang berhubungan dengan salinan sokongan program komputer.
28. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 41 bagi memperuntukkan tentang perbuatan yang dilarang di bawah seksyen baru 36A dan 36B sebagai kesalahan, serta memperuntukkan tentang tanggungan orang jika kesalahan itu dibuat oleh suatu pertubuhan perbadanan.
29. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 42 akibat daripada *fasal 16* berhubungan dengan petikan yang diperakui sah daripada Daftar Hak Cipta yang akan dimasukkan sebagai keterangan yang boleh diterima.
30. *Fasal 32* bertujuan untuk memperkenalkan Bahagian VIA dan IVB baru yang mengandungi seksyen 43A tentang antirakaman kamera dan seksyen 43B hingga 43I tentang pengehadan tanggungan pemberi perkhidmatan. Seksyen baru 43A menguruskan perkara bagi melawan aktiviti rakaman kamera di tempat penayangan apa-apa filem atau wayang dan seksyen baru 43B hingga 43I memperuntukkan beberapa pengehadan ke atas tanggungan pemberi perkhidmatan internet.

31. *Fasal 33* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 45A bagi memberi kuasa kepada Penolong Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bagi mendapat akses kepada data komputer atau digital dalam menjalankan penyiasatan di bawah Akta.
32. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 50 supaya konsisten dengan kuasa yang diberikan dalam kes boleh tangkap oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].
33. *Fasal 35* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 50B bagi memberi kuasa kepada seorang Pegawai Pengawal atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dengan kebenaran Pendakwa Raya, untuk memintas komunikasi yang berkemungkinan mengandungi apa-apa maklumat yang relevan bagi maksud penyiasatan sesuatu kesalahan di bawah Akta.
34. *Fasal 36* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 51A tentang keterangan yang diberikan oleh seorang *agent provocateur* untuk mengenepikan pengataan pemerangkapan terhadap tertuduh dengan membenarkan keterangan yang diperoleh daripada *agent provocateur* diterima.
35. *Fasal 37* bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 52A bagi memastikan serbuan yang dibuat oleh penguatkuasaan adalah berkesan. Ia juga bertujuan untuk mengekang kebocoran maklumat berhubungan dengan serbuan yang bakal dibuat supaya suspek tidak mempunyai peluang untuk memusnahkan keterangan.
36. *Fasal 38* mengandungi peruntukan pengecualian dan peralihan.
37. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2750]